

Oleh Zaim Mohd. Zainuddin

Wilayah Koridor Memacu Pertumbuhan Ekonomi

UNTUK merealisasikan Wawasan 2020, Malaysia perlulah mencatatkan pertumbuhan ekonomi tahunan yang konsisten, iaitu pada kadar enam peratus setahun. Hal ini ditegaskan oleh Perdana Menteri, Dato' Sri Mohd Najib Tun Abdul Razak, yang menyatakan bahawa kadar pertumbuhan enam peratus setahun disifatkan realistik dan boleh dicapai selepas negara mula pulih daripada kesan krisis ekonomi dunia pada tahun 2007/2008. Pada masa itu, Bank Dunia turut menyokong kenyataan tersebut dengan menyatakan bahawa ekonomi Malaysia menunjukkan tanda pemulihan dan mampu kembali pada paras yang lebih positif.

Semua wilayah koridor berjaya menarik pelaburan melalui komitmen sebanyak RM307 bilion dengan 57 peratus atau RM175 bilion pelaburan telah direalisasikan.

Segala impian untuk menjadi sebuah negara maju yang menjadi inti pati wawasan 2020 memerlukan anjakan dari segi struktur dan paras pendapatan penduduk di negara ini. Hal ini bermakna bahawa menjelang tahun 2020 kadar per kapita rakyat perlu digandakan kepada RM61,200 setahun. Hal ini memerlukan perubahan yang menekankan peranan kemampuan berinovasi, kreatif, dan bergerak ke arah pelbagai aktiviti meningkatkan nilai tambah produk dan perkhidmatan.

Asas utama kepada anjakan ini ialah pengetahuan dan teknologi. Ekonomi berpendapatan tinggi memerlukan tenaga kerja yang mempunyai kemahiran analisis yang mantap dan frinda ingin tahu. Bagi memudahkan transformasi tersebut, negara perlulah lebih memfokuskan bidang yang mempunyai kelebihan kompetitif. Hal ini bermakna sistem kewangan Islam, industri halal, industri berasaskan sumber dan pelancongan haruslah diberikan perhatian sepenuhnya.

Sehubungan dengan itu, pembangunan ekonomi wilayah lima koridor, iaitu Iskandar Malaysia, Koridor Pembangunan Sabah (SDC), Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECER), Koridor Ekonomi Wilayah Utara (NCER) dan Koridor Tenaga Boleh Diperbaharui Sarawak (SCORE) telah diwujudkan oleh kerajaan untuk menggalakkan perkembangan ekonomi yang lebih merata dan komprehensif. Sehingga kini, semua koridor berkenaan berjaya menarik pelaburan melalui komitmen sebanyak RM307 bilion dengan 57 peratus atau RM175 bilion pelaburan telah direalisasikan.

Pada tahun 2010, pembangunan lima koridor diselaraskan semula dengan setiap koridor memberikan tumpuan kepada sektor tertentu yang mempunyai kelebihan daya saing untuk memaksimumkan pencapaian dan memudahkan pemantauan. Iskandar Malaysia memberikan tumpuan kepada lima kelompok bidang ekonomi termasuk pendidikan, penjagaan kesihatan dan

industri kreatif. SCORE pula menarik pelaburan dalam penjana kuasa dan industri berasaskan tenaga. Keutamaan terus diberikan untuk memodenkan sektor pertanian sebanyak RM553 juta dan mempercepat pembangunan tanah luar bandar dan wilayah sebanyak RM155 juta.

Peruntukkan bagi aktiviti penyelidikan dan pembangunan (P&P) yang melibatkan semua sektor diunjurkan berjumlah RM357 juta termasuk sektor kesihatan, perumahan, teknologi maklumat dan komunikasi (TMK), bioteknologi dan kepenggunaan. Sebanyak RM15.5 bilion atau 31.6 peratus daripada jumlah perbelanjaan pembangunan diperuntukkan kepada sektor perkhidmatan sosial. Tenaga kerja berkemahiran tinggi adalah penting untuk peningkatan pertumbuhan nilai tambah bagi mencapai aspirasi Malaysia untuk menjadi negara maju dan berpendapatan tinggi.

Peruntukan terbesar sebanyak RM10.4 bilion atau 21.2 peratus daripada keseluruhan perbelanjaan disalurkan kepada pendidikan dan latihan bagi memastikan sistem pendidikan menyediakan tenaga kerja yang dinamik, kreatif dan inovatif. Kualiti dan akses kepada penjagaan kesihatan pada kadar yang mampu dibayar di kawasan bandar dan luar bandar terus ditingkatkan iaitu RM2.2 bilion bagi tujuan membina serta menaik taraf hospital dan klinik serta pembelian peralatan perubatan. Pada masa yang sama, kerajaan terus menyediakan peruntukkan sebanyak RM903

juta bagi perumahan awam mampu milik kepada rakyat. Jumlah tersebut termasuk peruntukan untuk pembinaan Projek Perumahan Rakyat (PPR) dimiliki, PPR disewa dan PPR bersepadu serta kuarters untuk kakitangan awam dan penyelenggaraan projek perumahan awam.

Sementara itu, penyampaian perkhidmatan serta infrastruktur dan kemudahan di luar bandar akan terus dipertingkatkan dengan peruntukkan sebanyak RM527 juta. Peruntukan sebanyak RM1.2 bilion akan digunakan untuk menambah baik kemudahan dan penyampaian perkhidmatan di peringkat tempatan. Pentadbiran am memperuntukkan RM955 juta untuk melaksanakan pembaikan dalam penyampaian perkhidmatan awam, menggalakkan penggunaan teknologi maklumat serta pembaikan dan penyelenggaraan kemudahan kerajaan.

Perbelanjaan pembangunan yang diperuntukkan adalah sebanyak RM49.2 bilion, iaitu pengurangan sembilan peratus berbanding dengan peruntukan pada tahun 2010 dengan berakhirnya pakej rangsangan ekonomi kedua. Keutamaan akan diberikan kepada pelaksanaan segera inisiatif Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA) (RM8.3 bilion) dan Bidang Ekonomi Utama Negara (RM5.5 bilion) di semua sektor ekonomi.

Sektor perkhidmatan ekonomi disediakan dengan peruntukan terbesar, iaitu sebanyak RM28.3 bilion dengan tumpuan diberikan kepada pembangunan infrastruktur dan menambah baik pengangkutan awam. Untuk tujuan ini, sejumlah

Sebanyak RM15.5 bilion atau 31.6 peratus daripada jumlah perbelanjaan pembangunan diperuntukkan kepada sektor perkhidmatan sosial.



cf. no: 0000274450

Eco 2015/A 15

RM9.6 bilion diperuntukkan kepada subsektor pengangkutan, termasuk RM1.4 bilion untuk NKRA bagi meningkatkan akses dan perhubungan pengangkutan awam bandar.

Di samping itu, tenaga, utiliti, dan komunikasi diberi peruntukan sebanyak RM6.6 bilion terutamanya bagi projek pembekalan air dan elektrik di luar bandar serta perkhidmatan pembedungan di seluruh negara.

Subsektor perdagangan dan industri diperuntukkan sebanyak RM9.6 bilion. Jumlah yang besar disediakan untuk membina keupayaan dan kebolehan serta menggalakkan inovasi dan keusahawanan dalam industri (RM1.5 bilion). Usaha untuk mengembangkan potensi perusahaan kecil dan sederhana (PKS) sebagai enjin pertumbuhan dan inovasi juga dipergiat dengan peruntukan sebanyak RM83 juta.

Peranan sektor swasta di setiap negeri juga ditingkatkan. Di negeri Sarawak misalnya, pihak swasta diberi tanggungjawab yang besar dalam usaha memajukan ekonomi negeri. Dijangkakan jumlah pelaburan sektor swasta SCORE akan mencecah RM267 bilion dalam tempoh 20 tahun akan datang dan jumlah itu diunjurkan bersamaan 80 peratus daripada jangkaan asal keseluruhan pelaburan, iaitu RM334 bilion. Pelaburan syarikat

juga tertumpu pada 10 bidang utama, iaitu minyak, aluminium, keluli, gelas, pelancongan, kelapa sawit, dan sebagainya di lima kawasan tumpuan.

Dalam Rancangan Malaysia Ke-10 (RMK-10), bagi mencapai sasaran pertumbuhan ekonomi yang pesat daripada pembangunan koridor berkenaan, Unit Perancang Ekonomi (EPU) memberikan tumpuan kepada usaha memacu pertumbuhan melalui kerjasama dengan sektor swasta untuk membangunkan industri yang menjadi keutamaan. Kerajaan juga memberikan tumpuan terhadap sebilangan kecil sektor dan bidang kelompok yang mempunyai kelebihan daya saing untuk memaksimumkan impak dan pelaksanaan yang lebih terfokus.

Aspek pembangunan juga memberikan tumpuan terhadap usaha memudahkan pelaburan swasta, menyokong ekosistem industri dan mewujudkan peluang pekerjaan. Iskandar Malaysia, menurut EPU, dilaporkan dapat terus menarik pelaburan kepada lima nod pertumbuhan yang telah dikenal pasti untuk membangunkan kelompok ekonomi dalam bidang pendidikan, penjagaan kesihatan, kewangan, industri kreatif, logistik, dan pelancongan.

Sementara itu, Iskandar Malaysia, wilayah dengan kawasan seluas 2200 kilometer persegi, dua kali ganda lebih luas daripada Singapura, bakal menjadi mercu tanda kemajuan ekonomi negara khususnya hasil penyertaan sektor swasta. Iskandar Malaysia pernah mencatatkan kejayaan menarik pelaburan asing langsung domestik yang agak besar, iaitu berjumlah RM46 bilion.

Dalam pada itu, NCR memberikan tumpuan untuk menggalakkan pembangunan sektor pertanian, pembuatan, serta perkhidmatan yang terdiri daripada pelancongan dan logistik dalam RMK10. Menurut EPU, ECER memberikan tumpuan terhadap inisiatif utama yang berkaitan dengan sektor pelancongan, minyak dan gas, industri petrokimia, pertanian serta pendidikan.

Di SCORE pula, lima nod pertumbuhan dikenal pasti dengan matlamat memberikan tumpuan terhadap usaha pembangunan dan pelaburan di dalam wilayah koridor tersebut. Nod pertumbuhan ini ialah Tanjong Manis, Mukah, Samalaju, Baram and Tunoh. Berdasarkan sumber EPU juga, pertumbuhan di SDC meliputi seluruh negeri Sabah dengan tumpuan diberikan kepada Kawasan Pembangunan Strategik (SDA) yang telah dikenal pasti bagi menajankan peluang pekerjaan dan pendapatan penduduk setempat serta menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi mapan. **de**

Dijangkakan jumlah pelaburan sektor swasta SCORE akan mencecah RM267 bilion dalam tempoh 20 tahun akan datang.

